

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2015 (ISNIN)

SOALAN : 24

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- (a) status terkini cadangan janakuasa nuklear dan laporan analisis impak alam semula jadi di kesemua tujuh lokasi-lokasi cadangan pembinaan janakuasa tersebut; dan
- (b) adakah Kementerian akan memperkenalkan Akta Kecekapan Tenaga dalam usaha untuk meningkatkan penjimatan dan kecekapan tenaga di Malaysia.

**JAWAPAN: (OLEH YB DATO' MAH SIEW KEONG, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini, Kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenai pembinaan loji janakuasa nuklear. Tapak cadangan pembinaan loji juga belum diputuskan.

Kajian berkaitan tapak cadangan sebelum ini adalah hanya kajian berasaskan peta, atau, dengan izin, *desk-top study*, oleh pihak Tenaga Nasional Berhad sebelum Kerajaan menubuhkan, dengan izin, *Malaysia Nuclear Power Corporation (MNPC)*, pada awal tahun 2011.

Keputusan mengenai pembinaan loji janakuasa nuklear akan bergantung kepada hasil Kajian Kemungkinan, atau dengan izin, *Feasibility Study*, dan kajian pendapat umum pada peringkat nasional mengenai tenaga nuklear.

Hasil kajian-kajian ini akan diteliti sebelum keputusan dibuat untuk melaksanakan kajian pemilihan tapak pembinaan loji, termasuk mendapatkan maklumbalas daripada masyarakat setempat di sekitar tapak berkenaan berdasarkan kepada perundangan, peraturan dan garis panduan yang sedia ada.

Penilaian kesan loji janakuasa nuklear terhadap alam sekitar adalah sebahagian daripada kajian lapangan, atau, dengan izin,

fieldwork, di tapak-tapak berpotensi untuk pembinaan loji janakuasa nuklear itu kelak.

Kajian-kajian ini adalah Penilaian Terperinci Impak Alam Sekitar, atau, dengan izin, *Detailed Environmental Impact Assessment* (DEIA), Penilaian Kesan Radiologi, atau dengan izin, *Radiological Impact Assessment* (RIA) dan Penilaian Impak Sosial, atau, dengan izin, *Social Impact Assessment* (SIA). Penilaian Terperinci Impak Alam Sekitar, atau, dengan izin, *Detailed Environmental Impact Assessment* (DEIA) yang merangkumi Penilaian Impak Kesihatan, atau, dengan izin, *Health Impact Assessment* (HIA). Namum, kajian-kajian ini belum dilaksanakan.

- (b) Mengenai kecekapan tenaga pula, Kerajaan belum lagi berhasrat untuk mewujudkan Akta Kecekapan Tenaga yang khusus bagi meningkatkan penjimatan dan kecekapan tenaga. Pada ketika ini, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) berpandangan bahawa peruntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2001 sedia ada adalah memadai untuk menyokong pelaksanaan dan pemantauan kecekapan tenaga bagi penggunaan tenaga elektrik di Malaysia. Bagaimanapun perundangan sedia ada ini hanya menjurus kepada kecekapan tenaga dalam industri tenaga elektrik sahaja dan bukan untuk kecekapan tenaga di sektor lain seperti pengangkutan dan sebagainya.

Pelaksanaan dasar dan program kecekapan tenaga elektrik adalah dibuat melalui kerangka perundangan sedia ada seperti Seksyen 23A, 23B dan 23C Akta Bekalan Elektrik (Pindaan)

2001, Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 dan Peraturan Pengurusan Tenaga Elektrik Dengan Cekap 2008 (PPTEC) 2008. Akta dan peraturan ini memberi mandat yang jelas bagi melaksana, memacu serta mengawal selia kecekapan tenaga elektrik dan hanya perlu dikemaskini jika perlu. Umpamanya, di bawah Peraturan Pengurusan Tenaga Elektrik Dengan Cekap 2008, mana mana pengguna yang menggunakan tenaga elektrik sebanyak 3 juta kilo Watt jam (kWj) dan ke atas untuk tempoh 6 bulan berturut-turut perlu melantik Pengurus Tenaga Elektrik berdaftar untuk memantau dan menasihati pemunya pemasangan dalam hal-hal berkaitan penggunaan tenaga elektrik dengan cekap.

Sekian. Terima kasih.